

# Lawatan Penilaian Akreditasi bagi Program Perkhidmatan Makanan (HG09)



Lawatan Penilaian Akreditasi Penuh Sarjana Muda Sains Makanan dengan Kepujian (Perkhidmatan Makanan) oleh *Malaysian Qualification Accreditation (MQA)* telah berlangsung selama dua hari iaitu pada 18 dan 19 Jun 2013. Rombongan para penilai terdiri daripada Prof. Datin Dr. Toh Poh See (UiTM) selaku ketua rombongan, Prof. Dr. Amin Ismail (UPM), Prof. Madya Dr. Mohamad Yusof Maskat (UKM), dan Pn. Ila Nadia Badaruddin selaku Urusetia MQA.

Bagi mengalu-alukan kedatangan para rombongan, satu majlis makan malam telah diadakan pada 18 Jun 2013 bertempat di Restoran Nelayan dan dihadiri oleh Dekan, Timbalan Dekan, Penolong Pendaftar, Ketua-Ketua Program serta beberapa kakitangan akademik dan bukan akademik. Antara penilaian yang dijalankan bagi tujuan akreditasi program termasuklah penyemakan dokumen-dokumen berkaitan pelaksanaan dan pengurusan program seperti fail pelajar, fail kakitangan akademik dan kertas soalan serta jawapan, sesi temu ramah bersama kakitangan akademik, serta lawatan ke makmal SSMP seperti Makmal Am Perkhidmatan Makanan, Makmal Teknologi Bakeri dan juga Makmal Penilaian Deria. Kemudahan kampus dan sokongan pelajar seperti kolej kediaman, perpustakaan, dewan kuliah dan stadium turut dikunjungi oleh rombongan bagi tujuan penilaian.

Hari kedua lawatan dimulakan dengan sesi perjumpaan bersama Majlis Perwakilan Pelajar dan sekumpulan pelajar Program Perkhidmatan Makanan Tahun 1, 2, dan 4. Lawatan para penilai diakhiri dengan kunjungan kehormat ke Pejabat Naib Canselor Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah dan kemudian disusuli dengan *Exit Meeting* yang bertempat di Bilik Mesyuarat Lembaga Eksekutif, Bangunan Canselori. Turut hadir adalah Timbalan Naib Canselor, Prof. Dr. Shariff Abd. Kadir S. Omang Al-Haj, Timbalan Pengarah Pusat Lanjutan Akademik, Prof. Madya Dr. Jennifer Chan Kim Lian, Ketua Perpustakaan, Pn. Dayang Rukiah Awang Amit, serta pegawai-pegawai tertinggi UMS.

Secara keseluruhan, lawatan Penilaian Akreditasi berjalan lancar dan hasil penilaian yang diterima adalah positif. Semoga dengan komen dan maklumbalas yang diterima dapat meningkatkan kredibiliti program Perkhidmatan Makanan, SSMP di masa akan datang.